

08 JAN 2001

Keadilan-Melayu

KEADILAN TOLAK PELAWAAN BINCANG PERPADUAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan) hari ini menolak pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan orang Melayu.

Presiden Keadilan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail berkata Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti yang bermesyuarat hari ini telah sebulat suara mengambil keputusan menolak pelawaan itu kerana berkeyakinan bahawa apa yang telah berlaku ialah anjakan sokongan orang Melayu dari Umno kepada Barisan Alternatif.

"Isu utama hari ini ialah krisis keyakinan terhadap pucuk pimpinan negara dan juga isu-isu besar yang lain seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah, keganasan polis, pengurusan ekonomi yang lemah, dan sistem kehakiman yang dibolosi oleh kuasa eksekutif," katanya dalam satu kenyataan lima perenggan di sini.

Wan Azizah berkata isu-isu utama negara ini harus mendapat perhatian yang segera daripada semua pihak.

Beliau berkata MPT telah membincangkan secara menyeluruh isi kandungan surat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertarikh 2 Jan lepas, dan membuat keputusan menolak pelawaan untuk berbincang setelah mengambil kira pandangan dan maklum balas akar umbi.

Wan Azizah berkata Keadilan, sebagai sebuah parti berbilang kaum, sentiasa mengambil sikap terbuka untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Cadangan supaya Umno berbincang dengan Pas dan Keadilan mengenai usaha mengukuhkan perpaduan Melayu telah disuarakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri.

Pada 24 Dis lepas, Dr Mahathir semasa mengulas cadangan itu berkata Umno sedia mengkaji kemungkinan mengadakan perbincangan dengan PAS dan Keadilan mengenai perpaduan orang Melayu.

Sempena sambutan tahun baru, Dr Mahathir turut menegaskan bahawa azam Umno pada tahun ini ialah memberi tumpuan kepada usaha menyatukan orang Melayu bagi menjamin kepentingan kaum itu.

PAS semasa mesyuarat khas Jawatankuasa Pusat parti itu Sabtu lepas bersetuju dengan cadangan untuk membincangkan soal perpaduan orang Melayu dan memutuskan supaya pertemuan itu diadakan secara persidangan melibatkan perwakilan dan bukan hanya pertemuan antara presiden parti-parti berkenaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno sebelum itu mencadangkan supaya Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dan Wan Azizah dan terserah kepada ketiga-tiga pemimpin parti itu jika mereka mahukan pertemuan itu dalam format antara delegasi dan bukan pertemuan antara tiga individu sahaja.

-- BERNAMA

HS HS FAZ